

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

TAJAJAN TABUNG PENDIDIKAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT (TPTAA)

- 1) **Apakah yang dimaksudkan dengan Tajaan Tabung Pendidikan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (TPTAA)?**
TPTAA merupakan **tabung biasiswa berbentuk tajaan penuh** yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor (SUK) khusus untuk pelajar program Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.
- 2) **Bagaimanakah cara memohon Tajaan TPTAA?**
Permohonan boleh dibuat dengan mengimbas kod QR pada poster rasmi TPTAA. Pemohon perlu:
 - ✓ Muat turun borang permohonan
 - ✓ Membaca dan memahami Garis Panduan Permohonan TPTAA
 - ✓ Menghantar borang lengkap dan dokumen sokongan secara *hardcopy* ke Seksyen Tajaan & Kebajikan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Aras bawah, Blok Pentadbiran.
- 3) **Bilakah permohonan TPTAA dibuka?**
Permohonan TPTAA dibuka pada setiap sesi untuk pelajar semester satu (1) sahaja bermula hari pendaftaran pelajar dan dibuka selama dua (2) minggu sahaja.
- 4) **Apakah syarat permohonan TPTAA?**

Syarat am

a) Warganegara Malaysia dan:

- ✓ merupakan anak Selangor (pemohon atau ibubapa lahir di Negeri Selangor);
atau
- ✓ Pemohon telah bermastautin lebih dari lima (5) tahun di Selangor dengan pengesahan daripada ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Ketua Kampung;
dan
- ✓ Pelajar bukan anak/ bermastautin di Selangor dengan had kifayah bawah RM5,000.00.

b) Penetapan kuota:

- ✓ 70%: Anak Negeri Selangor / bermastautin di Selangor
- ✓ 30%: Bukan anak Negeri Selangor

Syarat khusus

- a) Pemohon tidak pernah menerima tajaan atau pinjaman daripada mana-mana penaja lain bagi peringkat pengajian yang sama.
- b) Pemohon perlu menamatkan pengajian dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- c) Pemohon tidak boleh menukar bidang Program Pengajian, selain daripada yang ditetapkan oleh UIS, menangguhkan Pengajian, atau berhenti daripada Pengajian tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada UIS;
- d) Bagi semester tangguh atau semester yang melebihi tempoh pengajian yang ditetapkan, pihak penaja tidak akan menaja semester yang terlibat kecuali dengan sebab yang munasabah atas kebenaran pihak penaja.
- e) Pihak penaja berhak pada bila-bila masa mengkaji semula tawaran tajaan dari semasa ke semasa.
- f) Pihak penaja berhak pada bila-bila masa membuat apa-apa pindaan, mengubahsuai atau menambah syarat-syarat tawaran ini termasuklah jumlah pinjaman yang diluluskan.
- g) Surat tawaran ini adalah terbatal dengan sendirinya jika pemohon tidak memenuhi mana-mana syarat am, syarat khusus atau syarat akademik.
- h) Pihak penaja berhak menggantung, memberhentikan atau menarik balik tajaan ini dengan serta merta sekiranya didapati pemohon mengemukakan maklumat palsu.

Tahun dan status pengajian

- ✓ Pelajar semester satu (1) sahaja; **dan**
- ✓ Pelajar sepenuh masa sahaja

5) Program apa yang layak memohon TPTAA?

Hanya tiga (3) program pengajian yang layak memohon Tajaan TPTAA, iaitu:

- ✓ Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (IS16), FPPI.
- ✓ Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (Kepujian)(BI04), FPPI.
- ✓ Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kepujian (Pendidikan Al-Quran dan Al-Qiraat) (BE03), FP.

6) Bolehkah pelajar bukan semester 1 ingin memohon TPTAA?

Tidak, kerana permohonan ini hanya dibuka untuk pelajar semester satu (1) sahaja.

7) Apakah yang dimaksudkan dengan tajaan penuh?

Tajaan penuh merangkumi;

- ✓ Yuran pengajian
- ✓ Yuran penginapan
- ✓ Elaun sara diri

Tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester semasa pelajar (Purata Nilai Gred (PNG). Namun demikian, pihak penaja berhak menggantung, memberhentikan atau menarik balik tajaan ini dengan serta merta sekiranya didapati pemohon tidak menepati syarat yang telah ditetapkan.

8) Di mana saya boleh dapatkan dokumen permohonan?

Semua dokumen permohonan boleh di muat turun dari *myPortal* **pelajar** di bawah **tab BHEP** selepas permohonan TPTAA dibuka.

9) **Apakah dokumen wajib yang diperlukan sewaktu permohonan TPTAA dibuat?**

Dokumen wajib yang diperlukan ialah:

- i. Borang Permohonan tajaan Tabung Pendidikan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (TPTAA) yang lengkap
- ii. Salinan Surat Tawaran Pengajian
- iii. Salinan Kad Pengenalan Pelajar
- iv. Salinan Kad Pengenalan Ibubapa
- v. Salinan Kad Pengenalan Penjaga (Jika berkaitan)
- vi. Salinan Kad Pengenalan Pasangan (Jika berkaitan)
- vii. Salinan Sijil Nikah (Jika berkaitan)
- viii. Salinan Sijil Kelahiran Anak (Jika berkaitan)
- ix. Sijil Kematian / penceraian ibubapa / sijil pernikahan (bagi ibu/bapa tiri) (jika berkaitan)
- x. Salinan Slip Gaji / Pengesahan Pendapatan Ibubapa yang disahkan
- xi. Salinan Slip Gaji / Pengesahan Pendapatan Penjaga yang disahkan (Jika berkaitan)
- xii. Salinan Slip Gaji/Pengesahan Pendapatan Pasangan yang disahkan (Jika berkaitan)
- xiii. Surat Pengesahan Pemastautin (Jika berkaitan)
- xiv. Salinan Salinan Penyata akaun Bank Islam (BIMB) atau lain-lain bank yang dibenarkan dan disahkan

10) **Bolehkah jika saya tiada akaun simpanan Bank Islam?**

Pemohon diutamakan mempunyai akaun Bank Islam atas nama sendiri. Namun begitu, sekiranya tiada, penggunaan akaun bank selain Bank Islam adalah dibenarkan.

11) **Berapakah jumlah elaun sara diri pelajar TPTAA?**

Elaun sara diri adalah berjumlah **RM1,890.00 bagi satu (1) semester** (Tertakluk kepada peruntukan bajet oleh pihak penaja).

12) **Bilakah pelajar akan menerima elaun sara diri TPTAA?**

Pelajar akan menerima elaun sara diri **bermula semester kedua dan ke atas** bergantung kepada keputusan peperiksaan semester semasa pelajar (Purata Nilai Gred (PNG)).

13) **Siapakah yang boleh mengesahkan salinan dokumen?**

Pegawai yang boleh membuat pengesahan salinan dokumen ialah:

- ✓ Nazir Masjid (tempat tinggal) / Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK @ JKPP/ Penghulu / Pengerusi Penduduk / Jaksa Pendamai / Adun; **atau**
- ✓ Semua pegawai kerajaan / Badan Berkanun / Pegawai UIS Gred 41 dan ke atas; **atau**
- ✓ Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti Majistret dan peguam.

14) **Sekiranya ibu/ayah tidak bekerja/ tidak mempunyai slip gaji apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**

Pelajar perlu kemukakan **borang pengesahan pendapatan** yang telah disahkan.

- 15) **Bolehkah saya membuat penangguhan semester setelah menerima tajaan TPTAA?**
Tidak dibenarkan, pemohon perlu mendaftar setiap semester untuk melayakkan pemohon dapat tajaan bagi setiap semester.
- 16) **Sekiranya saya berhenti dalam tempoh pengajian, adakah saya perlu membayar semula tajaan TPTAA?**
Ya, pihak UIS berhak untuk menuntut bayaran keseluruhan atau sebahagian tuntutan yuran dibuat ke atas pelajar.
- 17) **Adakah TPTAA ini wajib semua pelajar Program Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat mohon?**
Tidak, permohonan TPTAA ini adalah **pilihan dan tidak wajib** untuk dimohon.
- 18) **Bagaimanakah saya boleh menyemak keputusan kelayakan permohonan Tajaan TPTAA?**
Semakan keputusan kelayakan permohonan boleh dibuat melalui *MyPortal* Pelajar dan e-mel pelajar selepas tarikh rasmi keputusan diumumkan. Pemohon disarankan untuk sentiasa membuat semakan berkala bagi mengetahui status permohonan.
- 19) **Adakah Tajaan TPTAA merupakan Pinjaman atau Biasiswa?**
Tajaan TPTAA bukan pinjaman ia merupakan Biasiswa penuh yang diberikan khusus kepada pelajar program Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Pelajar perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian dan mengekalkan prestasi akademik yang baik.
- 20) **Adakah tajaan TPTAA mempunyai ikatan perjanjian?**
Ya. Pelajar yang penerima tajaan TPTAA diwajibkan menandatangani ikatan perjanjian rasmi yang mengandungi syarat dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh tajaan, termasuk prestasi akademik dan tempoh pengajian.
- 21) **Apakah yang berlaku jika pelajar gagal menamatkan pengajian atau menarik diri?**
Pelajar yang gagal menamatkan pengajian, menarik diri, atau ditamatkan pengajian akan dikenakan bayaran balik ke atas jumlah tajaan yang telah diterima, tertakluk kepada terma dalam perjanjian.
- 22) **Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi BHEP sekiranya ada sebarang pertanyaan?**
Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan permohonan Tajaan TPTAA boleh diajukan melalui:
✓ Emel: stk@uis.edu.my
✓ Telefon: 03-8911 7000 (Samb. 1434 / 3337)

Disediakan oleh:

Seksyen Tajaan & Kebajikan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Tel: 03-8911 7000 sambungan 1434/3337, E-mel: stk@uis.edu.my